

20/08/2000

Umno Kedah usah terlena terlalu lama

Abu Ibrahim

UMNO Kedah mengadakan `Konvensyen Umno 2000' pada 19 dan 20 Julai lalu yang dirasmikan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Umno Kedah sekarang berada dalam keadaan krisis dan resah selepas keputusan pilihan raya lalu yang mana Umno hampir tewas kepada Pas.

Walaupun Barisan Nasional Kedah menangi 24 kerusi DUN, sumbangan Umno hanya 14 kerusi saja berbanding parti pembangkang diterajui Pas yang menawan 12 kerusi DUN.

Soalan yang timbul sekarang ialah sama ada Umno boleh mempertahankan kerajaan negeri Kedah pada pilihan raya 2004 ataupun negeri Kedah akan dipimpin Datuk Fadhil Noor sebagai Menteri Besarnya?

Umno juga perlu prihatin mengenai pengundi di Kedah yang lebih mantap dalam membuat pilihan. Selain kemenangan tipis untuk Umno di kerusi DUN Kedah, pengundi Kedah sudah memberi kemenangan kepada Pas dalam lapan daripada 15 kerusi Parlimen di negeri itu.

Corak pengundian seperti ini menyamai pengundi di Pulau Pinang pada satu waktu dulu yang mana parti pemerintah diberi kemenangan di kerusi DUN dan parti pembangkang diberi kemenangan kerusi Parlimen.

Cuma yang berbeza di Kedah ialah Pas sedang membuat usaha yang giat dan mula berkempen untuk 2004. Setiap surau dan masjid di Kedah menjadi kubu Pas yang dilengkapi dengan siri ceramah dan kelas agama yang semuanya menjadi tapak semaian fitnah dan komplot politik.

Mengikut seorang pemerhati Umno Kedah, di sekitar Alor Star saja Pas sekarang mempengaruhi jawatankuasa 17 masjid. Sekali mereka diberi peluang masuk, mereka tidak akan berundur. Kemudian mereka akan melantik penceramah, guru agama dan guru tadika daripada ahli dan penyokong mereka.

Inilah taktik klasik Pas yang digunakan dengan berkesan di semua tempat. Dalam masa yang begitu singkat masjid akan digubah menjadi kubu Pas.

Masalahnya ialah ini bukan rahsia yang besar yang tidak diketahui oleh sesiapa tetapi Umno Kedah seolah-olah tidak boleh membuat apa pun. Oleh sebab tidak ada muafakat tuju hala yang bermanfaat (useful sense of purpose) maka Umno Kedah belum dapat menonjolkan kreativiti atau tindak balas yang padu untuk mematahkan gerak saraf Pas.

Jika Umno Kedah tidak dapat mengambil langkah yang betul, Umno Kedah akan membawa bencana ke atas dirinya sendiri. Pilihan raya akan tiba lagi dalam masa empat tahun saja. Semoga Umno Kedah tidak akan terlena terlalu lama. Umno Kedah tidak kekurangan bakat atau orang yang berkaliber untuk memimpin Umno dalam menawan semula kawasan yang jatuh kepada Pas.

Menurut Buku Cenderamata yang disediakan untuk konvensyen itu, Jawatankuasa Persediaan Ucapan Menteri Besar yang ditugaskan menyiapkan ucapan dasar Menteri Besar pada konvensyen itu saja terdiri daripada 44 orang yang ternama di Kedah termasuk tiga Tan Sri, 12 Datuk dan enam professor. Keseluruhannya Umno Kedah sudah menubuhkan 12 jawatankuasa khas untuk menjayakan konvensyen itu yang membabitkan beratus-ratus ahli dan petugas. Walaupun demikian Buku Cenderamata itu hanya menyenaraikan keputusan pilihan raya untuk 30 kerusi DUN di Kedah. Sepertimana kita semua sedia maklum Kedah mempunyai 36 kerusi DUN.

Jelas Umno Kedah memerlukan disiplin dan gerak langkah yang lebih ketat dan teratur. Janganlah bakat utama di Kedah lebih sibuk dengan jawatankuasa dan membuat ucapan dasar daripada membuat kerja yang lebih berkesan pada peringkat akar umbi.

Tan Sri Khalid Abdullah, ahli Jawatankuasa Persediaan Ucapan Menteri

Besar memberi pandangan yang tepat dan jelas mengenai keadaan Umno di Kedah. Beliau berkata: "Kita tidak boleh menyalahkan orang lain kerana kita tentu tidak berdaya menyuruh musuh kita membantu sesuatu untuk menguntungkan kita dengan merugikan mereka tetapi kita pasti boleh melakukan sesuatu untuk membaiki diri kita sendiri. Kalau untuk membaiki diri sendiri juga tidak terdaya maka eloklah kita menggali kubur untuk dikebumuikannya."

Seorang lagi veteran Umno Kedah merungut Umno Kedah pernah membuat konvensyen dulu tetapi resolusi yang dibuat pada konvensyen sebelum ini masih tidak terlaksana. "Oleh itu apakah gunanya mengadakan lebih banyak konvensyen dan membuat lebih banyak rumusan dan resolusi jika resolusi itu tidak diambil tindakan selanjutnya," kata beliau.

Masalah yang lebih rumit bagi Umno Kedah ialah mengatasi perpecahan dalam parti yang menjadi peninggalan daripada kes Datuk Seri Anwar Ibrahim dan juga daripada kerajaan negeri sebelum ini.

Mengikut ahli Umno Kedah, masih ada ketua bahagian di Kedah yang menjadi penyokong Anwar yang membuat ucapan dan kenyataan yang merugikan Umno dan menguntungkan pembangkang. Tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil untuk membendung perbuatan yang silap ini atas sebab tertentu termasuk tidak ada bukti yang jelas mengenai si polan itu.

Berbanding pula dengan Pas yang mengatur strategi dan agenda yang teratur untuk menawan Kedah pada 2004, Umno Kedah masih belum mencapai kata sepakat bagaimana caranya hendak menawan sokongan pengundi Kedah dan menangi semula kawasan yang telah tewas kepada Pas. Ramai ahli Umno pada peringkat cawangan bersedia memulakan kempen dan berjuang untuk parti tetapi mereka kesal kerana ketiadaan petunjuk dan sokongan daripada pimpinan pusat di Kedah.

Kita perlu simpati dengan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang mewarisi Umno Kedah dalam satu keadaan lemah dan keliru. Syed Razak dianggap sebagai 'user friendly' oleh orang Kedah yang mana beliau lebih rapat dengan rakyat dan ahli parti.

Beliau juga mempunyai azam yang kuat untuk membangunkan Kedah dan rakyatnya.

Pada satu ketika, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim juga mengalami masalah yang hampir sama di Perlis yang memuncak dengan kekalahan kepada Pas dalam pilihan raya kecil Arau. Tetapi pimpinan Umno Perlis berusaha bersungguh-sungguh untuk membetulkan kesilapan mereka dan akhirnya berjaya menawan semula kerusi yang tewas kepada Pas.

Sebenarnya walaupun Pas menang lapan daripada 15 kerusi Parlimen di Kedah, Umno masih mendapat jumlah undi yang lebih daripada Pas. Pas mendapat 210,559 undi untuk lapan kerusi Parlimen manakala Umno mendapat 260,470 undi bagi lima kerusi Parlimen. Umno masih mempunyai sokongan yang kuat di Kedah.

Ini menjadikannya lebih mudah bagi Umno untuk memulihkan keadaan di Kedah. Yang penting ialah semua pemimpin Umno Kedah mengambil tindakan yang berkesan dan jangan membuang terlalu banyak masa dengan kepentingan peribadi. Kalau tidak mereka mungkin terpaksa memulakan kerjaya baru pada 2004.

(END)